

Dr. Mahathir dianugerahkan doktor falsafah

KUiTTHO

UM

20/8/05

BATU PAHAT 19 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) sempena majlis Konvokesyen Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada 27 Ogos ini.

Rektor KUiTTHO, Prof. Dr. Ismail Bakar memberitahu, penghormatan itu sebagai menghargai kejayaan bekas Perdana Menteri membawa negara menempah kejayaan demi kejayaan sehingga mendapat pengiktirafan dunia terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Anugerah itu akan disampaikan oleh Canselor KUiTTHO, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar.

Ismail berkata, kesudian Dr. Mahathir menerima penganugerahan tersebut melakar satu sejarah yang amat bermakna kepada universiti berkenaan.

Majlis konvokesyen itu juga mencatatkan sejarah sendiri kerana untuk kali pertama KUiTTHO melahirkan dua graduan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Pengurusan Tanah dan Fasiliti sejak beroperasi lebih 10 tahun lalu.

"Pada hari itu juga Tunku Canselor akan menyampaikan Anugerah Diraja, Anugerah Canselor, Anugerah Tan Sri Aishah Ghani dan Anugerah Projek Sarjana Terbaik kepada kesemua 18 orang penerima," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

KUiTTHO juga, tambah beliau, pada tahun ini melahirkan graduan ijazah kelas pertama paling ramai iaitu sebanyak 42 orang sekali gus membuktikan komitmen universiti untuk memastikan golongan pemimpin pelapis mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang.